

Harian Matra (Timur) 12/11/19 (Sabtu) m/s: 23.



PROF Madya Dr Saiful Nizam (berdiri dua kanan), Prof Madya Dr Muhammad Sharfi (duduk kanan) dan Mohd Najib bergambar selepas menerima anugerah MYC 2019 di Kuantan, semalam.

## 2 produk UMP raih anugerah

**Kuantan:** Dua produk Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi Anugerah Pengkomersialan Malaysia (MCY 2019) anjuran Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

Produk itu ialah MNRg-Treat yang dihasilkan untuk merawat sisa air ber-

minyak menggunakan formulasi berteknologi hijau memenangi Anugerah Usahawan Penyelidik yang dihasilkan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Proses, Mohd Najib Razali.

Satu lagi produk Hidung Elektronik atau E-Nose dinobatkan pemenang utama Anugerah Inovator Baharu.

Ia dihasilkan Prof Madya

Dr Muhammad Sharfi Najib daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta Prof Madya Dr Saiful Nizam Tajuddin daripada Fakulti Sains dan Teknologi Industri.

Kemenangan itu membolehkan pemenang setiap anugerah menerima hadiah bernilai RM100,000 dalam bentuk tunai dan geran.